



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

UNJURAN PENDUDUK, MALAYSIA, 2020-2060

PENDUDUK MALAYSIA DIJANGKA MENCAPAI KEMUNCAK 42.38 JUTA PADA 2059 DAN MULA MENURUN PADA 2060

PUTRAJAYA, 11 JULAI 2025 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Unjuran Penduduk, Malaysia, 2020-2060** sempena sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 yang bertemakan “*Empowering young people to create the families they want in a fair and hopeful world*”. Penerbitan ini memaparkan statistik berkaitan struktur penduduk Malaysia bagi tempoh 40 tahun dengan menggunakan 2020 sebagai tahun asas. Statistik utama disediakan di peringkat Malaysia dan negeri, mengikut ciri demografi seperti jantina, kumpulan umur dan etnik. Unjuran ini merupakan input penting bagi perancangan dan pembangunan negara secara menyeluruh.

Dalam satu kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “**Penduduk Malaysia dijangka mencapai kemuncak 42.38 juta orang pada 2059, sebelum menurun secara perlahan bermula 2060 (42.37 juta) dan seterusnya kepada 42.08 juta (2065) dan 41.43 juta (2070).** Walaupun penduduk terus meningkat dari 2020 hingga 2059, kadar pertumbuhan dijangka menurun dengan ketara daripada 1.7 peratus (2020) kepada hanya 0.1 peratus pada 2060. Penduduk Kelantan, Pahang, Perak, Terengganu dan W.P. Putrajaya dijangka terus meningkat sepanjang tempoh 40 tahun sehingga 2060. Selangor dijangka kekal sebagai negeri paling ramai penduduk pada 2060 dengan 8.10 juta orang, diikuti Johor (4.99 juta) dan Sabah (4.89 juta). **Sembilan negeri dijangka mencapai kemuncak penduduk lebih awal**

sebelum Malaysia (2059), iaitu W.P. Kuala Lumpur (2031), Pulau Pinang (2040), W.P. Labuan (2041), Selangor (2049), Johor dan Kedah (2052), Negeri Sembilan (2054) serta Perlis dan Sarawak (2055)”.

Penduduk lelaki dan perempuan dijangka terus meningkat dari 2020 hingga 2060, dengan lelaki melebihi perempuan. Nisbah jantina dijangka meningkat daripada 110 pada 2020 kepada 114 lelaki bagi setiap 100 perempuan menjelang 2060.

Bumiputera mencatatkan peningkatan peratusan tertinggi iaitu 10.2 mata peratus daripada 69.4 peratus (2020) kepada 79.4 peratus pada 2060. Pada 2060, Cina dan India dijangka menurun masing-masing kepada 14.8 peratus (2020: 23.2%) dan 4.7 peratus (2020: 6.7%). Sementara itu, kategori Lain-lain meningkat daripada 0.7 peratus (2020) kepada 1.0 peratus (2060).

Ketua Perangkawan turut menambah, “Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda) dijangka menurun daripada 24.0 peratus (2020) kepada 16.0 peratus pada 2060. Peratus penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja) meningkat daripada 69.2 peratus (2020) kepada 70.8 peratus pada 2030. Walau bagaimanapun, peratusan ini dijangka menurun antara 2040 dan 2050, dan terus menurun kepada 65.7 peratus menjelang 2060. Komposisi penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) dijangka meningkat kepada 18.3 peratus pada 2060 berbanding 6.8 peratus pada 2020. Malaysia telah menjadi *Ageing Society* pada 2021 dan dijangka mencapai *Aged Society* menjelang 2048 apabila penduduk berumur 65 tahun dan lebih masing-masing melebihi 7 peratus dan 14 peratus. Menurut Dasar Warga Emas Negara (DWEN), sesebuah negara dianggap sebagai negara menua apabila 15 peratus penduduk berumur 60 tahun dan lebih. Malaysia dijangka mencapai status ini menjelang 2036”.

Semua negeri mencatatkan peningkatan dalam peratusan kumpulan umur bekerja menjelang 2030, kecuali Pulau Pinang, Perlis dan Terengganu. W.P. Putrajaya mencatatkan peratusan tertinggi kumpulan umur bekerja tertinggi dengan peningkatan sebanyak 13.6 mata peratus kepada 74.2 peratus pada 2030, berbanding 60.6 peratus pada 2020. W.P. Kuala Lumpur mencatatkan peratusan penduduk umur muda paling

rendah pada 2060, iaitu 9.1 peratus. Dalam tempoh yang sama, peratusan penduduk umur tua tertinggi juga direkodkan di W.P. Kuala Lumpur iaitu 26.2%, diikuti oleh Selangor (25.2%) dan Pulau Pinang (23.5%). Ketiga-tiga negeri ini dijangka diklasifikasikan sebagai *Super-aged Society*, apabila peratus penduduk umur tua melebihi 20 peratus. Sementara itu, negeri-negeri lain dijangka mencapai fasa *Aged Society* menjelang 2060 apabila peratus penduduk berumur 65 tahun dan lebih melebihi 14 peratus, kecuali Kelantan dan Terengganu.

Malaysia dijangka memasuki fasa demografi kelima pada 2052 apabila kadar kematian kasar (CDR) sama atau melebihi kadar kelahiran kasar (CBR). Dalam fasa ini, pertumbuhan penduduk menyusut dengan ketara dan mula mencatatkan nilai negatif.

Sempena Hari Penduduk Sedunia 2025, DOSM turut membangunkan Dashboard Unjuran Penduduk Malaysia yang boleh diakses melalui pautan <https://www.dosm.gov.my/UnjuranPenduduk>. Dashboard ini merupakan sebuah platform visualisasi statistik demografi secara interaktif yang merangkumi maklumat mengikut jantina, kewarganegaraan, kumpulan etnik, kumpulan umur dan status penuaan penduduk. Selain itu, DOSM juga melancarkan Kalkulator Jangka Hayat yang boleh diakses di <http://kalkulator.dosm.gov.my/lifeexpectancy> atau dimuat turun sebagai aplikasi melalui Google Play Store. Kalkulator interaktif ini memaparkan jangkaan hayat pengguna berdasarkan tahun kelahiran, kumpulan etnik, jantina dan lokasi, yang merujuk kepada purata baki umur (dalam tahun) yang merujuk kepada purata baki umur (dalam tahun) dijangka dapat hidup oleh seseorang pada permulaan usia tertentu dengan andaian kadar kematian setiap kumpulan umur kekal konsisten sepanjang hayat.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 11 Julai 2025

Malaysia buat julung kalinya telah berjaya menduduki kedudukan teratas di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Malaysia, 2020-2060



Jadual 1: Bilangan penduduk mengikut negeri, Malaysia, 2020-2060


('000)

Negeri	2020	2030	2040	2050	2060	Penduduk kemuncak	
						Tahun	Penduduk
Malaysia	32,447.4	36,493.0	39,784.9	41,794.7	42,368.0	2059	42,379.6
Johor	4,009.7	4,490.6	4,880.9	5,047.2	4,994.6	2052	5,052.6
Kedah	2,131.4	2,365.4	2,539.6	2,605.4	2,578.0	2052	2,606.8
Kelantan	1,792.5	2,145.7	2,617.4	3,058.0	3,484.5	>2060	>3,484.5
Melaka	998.4	1,138.4	1,263.1	1,340.6	1,365.2	2059	1,365.7
Negeri Sembilan	1,200.0	1,326.5	1,432.2	1,488.9	1,480.0	2054	1,493.8
Pahang	1,591.3	1,807.2	2,064.5	2,303.7	2,488.2	>2060	>2,488.2
Perak	2,496.0	2,708.6	2,918.5	3,061.9	3,119.1	>2060	>3,119.1
Perlis	284.9	317.7	345.6	355.8	355.7	2055	357.1
Pulau Pinang	1,740.4	1,909.9	1,984.0	1,936.6	1,808.6	2040	1,984.0
Sabah	3,418.8	4,046.8	4,495.5	4,794.4	4,890.5	2059	4,891.7
Sarawak	2,453.7	2,691.1	2,910.3	3,016.0	3,019.3	2055	3,029.9
Selangor	6,994.4	7,799.2	8,233.4	8,364.2	8,102.7	2049	8,366.4
Terengganu	1,149.4	1,401.1	1,697.0	1,987.5	2,291.2	>2060	>2,291.2
W.P. Kuala Lumpur	1,982.1	2,087.2	2,069.7	2,008.2	1,878.7	2031	2,087.9
W.P. Labuan	95.1	106.0	110.1	108.3	101.0	2041	110.1
W.P. Putrajaya	109.2	151.6	222.9	318.1	410.9	>2060	>410.9


Jadual 2: Penduduk mengikut jantina dan nisbah jantina, Malaysia, 2020-2060

Jantina	2020	2030	2040	2050	2060
Lelaki ('000)	16,966.2	19,241.0	21,091.0	22,232.4	22,547.6
Perempuan ('000)	15,481.2	17,252.0	18,693.9	19,562.4	19,820.4
Nisbah jantina	110	112	113	114	114


Carta 2: Bilangan penduduk mengikut negeri, Malaysia, 1970-2070




Carta 3: Bilangan penduduk mengikut kumpulan etnik, Malaysia, 1970-2070




Carta 4: Jangkaan hayat mengikut negeri, Malaysia, 1991-2060




Carta 5: Jangkaan hayat mengikut kumpulan etnik, Malaysia, 1991-2060




Carta 6: Komposisi penduduk Warganegara mengikut kumpulan etnik, Malaysia, 2020-2060




Carta 7: Komposisi penduduk mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2020-2060



Paparan 1: Bilangan dan peratusan penduduk berumur 60 tahun dan lebih dan 65 tahun dan lebih, Malaysia, 2020-2060



Carta 8: Transisi demografi, Malaysia, 1911-2060



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

11 JULAI 2025